



NEW YORK (-43.90) mata
Dow Jones 13,197.73

UTUSAN MALAYSIA · MUKA 19

29.03.2012 KHAMIS

bisnes.utusan@gmail.com

Bisnes

Megamall RM6 bilion di Iskandar

KUALA LUMPUR 28 Mac - Iskandar Malaysia bakal memiliki pusat pembangunan komersial terbesar seperti MidValley City, yang bakal dikenali sebagai Southkey Megamall dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM6 bilion.

Projek itu adalah pakatan bersama di antara IGB Corporation Bhd. (IGB) dan Selia Pantai Sdn. Bhd. (Selia Pantai) melalui Southkey Megamall Sdn. Bhd. dengan kepentingan sebanyak 70 peratus dikuasai oleh IGB.

Southkey Megamall yang dibangunkan di kawasan seluas 14.4 hektar di Zon A Iskandar Malaysia, keluasan yang hampir sama dengan Mid Valley City, turut membabitkan pembangunan hotel, kediaman dan bangunan pejabat.

Pengarah Urusan IGB, Robert Tan Chung Meng berkata, pada masa ini syarikat sedang menyelesaikan beberapa isu sebelum memulakan pembinaan yang bakal mengambil masa lima tahun.

"Kami menasarkannya satu hingga

dua bulan untuk memeterai perjanjian definitif sebelum menyelesaikan isu-isu lain yang bakal mengambil masa enam hingga sembilan bulan akan datang.

"Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada 2013," katanya pada sidang akhbar selepas memeterai MoU di sini hari ini.

MoU tersebut ditandatangani oleh Chung Meng mewakili IGB dan Pengarah Urusan Selia Pantai, Datuk Mohamed Zaini Amran dengan disaksikan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Turut hadir Pengerusi IGB, Tan Sri Abu Talib Othman dan Pengerusi Selia Pantai, Johar Salim Yahya.

Selia Pantai merupakan kerjasama awam swasta antara Kumpulan Selia dan Kerajaan Negeri Johor melalui Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ).

Tambah Chung Meng, kos pembangunan keseluruhan projek itu membabitkan RM2 bilion hingga RM3 bilion.



ABDUL Ghani Othman (tengah) bersama (dari kiri) Robert Tan, Abu Talib Othman, Mohamed Zaini Amran dan Johar Salim Yahya melihat replika Southkey Megamall selepas majlis menandatangani perjanjian antara IGB dan Selia Pantai di Kuala Lumpur, semalam.